

## PINJAMAN PERIBADI- KEMPEN FLEXI-PAY

### Tempoh Kempen

Kempen Flexi-Pay (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) (“Bank”) bermula pada 1 Mei 2018 dan berakhir pada 31 Disember 2018, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

### Terma dan Syarat (“T&S”)

Berikut adalah terma dan syarat yang berkuat kuasa ke atas Kempen:-

#### Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua individu Malaysia (“Pelanggan”) yang memenuhi semua kriteria kelayakan:-
  - a) bekerja dengan pendapatan tahunan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000.00);
  - b) tidak mempunyai sebarang baki tunggakan sedia ada atas mana-mana Pinjaman Peribadi HLB atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB (“Produk Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i”);
  - c) memohon untuk Pinjaman Peribadi HLB (“Kemudahan”) dengan jumlah minima Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) sehingga Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu (RM25,000) semasa Tempoh Kempen melalui permohonan atas talian di [www.hlb.com.my/en/personal-banking/promotions/pl-flexi-pay-switch-urbanrepublic.html](http://www.hlb.com.my/en/personal-banking/promotions/pl-flexi-pay-switch-urbanrepublic.html) (“Laman Sesawang Bank”) untuk tempoh kemudahan satu hingga lima (1-5) tahun (“Tempoh Kemudahan”) untuk membeli produk dan/atau barang elektronik yang layak di bawah kempen ini (“Produk Pedagang”) dari kedai Switch dan/atau Urban Republic, kedua-dua dikendalikan oleh CG Computers Sdn Bhd (No. Syarikat 389271-M) (“Pedagang”)
  - d) Kemudahan diluluskan oleh Bank dan dikeluarkan ke Pelanggan pada atau tidak lewat dari 15 Januari 2019.
2. Untuk tujuan kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klause 1 di atas akan ditakrifkan sebagai “Pelanggan Layak”.
3. Mereka yang berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
  - a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisyiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
  - b) Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank sebagai berpotensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang dinyatakan di sini.
  - c) Kakitangan tetap dan berkontrak Bank.

#### Mekanik Kempen

##### Kadar Faedah

4. Pelanggan Layak di mana Kemudahannya diluluskan dalam Tempoh Kempen dan dikeluarkan pada 15 Januari 2019 akan berhak untuk kadar faedah tetap promosi berikut, berdasarkan Tempoh Kemudahan, digambarkan di jadual di bawah:

Jadual 1: Kadar Faedah dikenakan

Tempoh Kemudahan	Kadar Faedah	Jumlah Pinjaman Sedia Ada
1 tahun	6.00%	Pinjaman Peribadi Hong Leong
2 – 3 tahun	8.00%	Minimum RM3,000; Maksimum
4 – 5 tahun	10.00%	RM25,000

0.5% dari jumlah Kemudahan akan ditolak dari Kemudahan untuk duti setem. Kadar faedah efektif berbeza dari 10.90% - 17.60% untuk Tempoh Kemudahan dari 1-5 tahun di Kadar Faedah yang ditunjukkan di Jadual 1: Kadar Faedah dikenakan.

## UMUM

5. Bank tidak memberi representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti kesesuaian Produk Pedagang dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan apa-apa Produk Pedagang yang hilang, dicuri atau rosak (disebabkan oleh kecacatan dalam bahan atau mutu kerja oleh pengilang yang tidak dijamin atau sebaliknya)
6. Pelanggan yang Layak hendaklah berurusan secara langsung dengan Pedagang atau pengeluar untuk maklumat waranti atau tuntutan tanpa apa-apa tuntutan kepada Bank.
7. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan:
  - (i) bersetuju bahawa mereka telah membaca dan memahami T&S ini dan terma dan syarat yang mengawalselia Pinjaman Peribadi HLB dan bersetuju untuk terikat dengannya;
  - (ii) bersetuju untuk melayari Laman Sesawang HLB pada selang masa kerap untuk menyemak T&S, dan untuk memastikan mereka mengetahui maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
  - (iii) bersetuju bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan; dan
  - (iv) bersetuju bahawa mereka akan bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undangundang yang terpakai, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
  - (v) Bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat ke Terma dan Syarat dan Dasar Pulangan Dan Bayaran Balik yang terdapat di [www.switch.com.my](http://www.switch.com.my) dan [www.urbanrepublic.myshopify.com](http://www.urbanrepublic.myshopify.com)
8. Bank berhak untuk:
  - (i) menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan mengikut budi bicara mutlaknya tanpa memberikan sebarang sebab;
  - (ii) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini mengikut budi bicara mutlaknya; dan
  - (iii) menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini atas budi bicara mutlaknya, dengan cara memaparkannya di Laman Sesawang HLB, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
9. T&S yang terkandung di sini dan terma dan syarat yang mengawalselia Pinjaman Peribadi HLB hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan terma dan syarat yang mengawal selia Pinjaman Peribadi HLB, T&S spesifik di sini akan berkuat kuasa setakat percanggahan tersebut.

10. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang HLB akan berkuat kuasa.
11. Terma dan syarat yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan dibentuk berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
12. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan singular termasuk jamak dan sebaliknya.